


RISALAH USIM

The News Bulletin of Universiti Sains Islam Malaysia
Issue no. 10 (1/2009)

www.usim.edu.my
1511-9319




UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

*e-undi & u-Grads USIM
Peroleh Pingat*

*USIM Rangkul 2 Emas
di Belgium*

*Laman Web
USIM JUARA*

*e-Iris Diserah
Kepada USIM*



USIM Fokus Hala Tuju & Rancangan Strategik 2008-2020



PENAUNG

Y.BHG. PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN
Naib Canselor

PENASIHAT

Y.BHG. PROF. DATO' DR. MUHAMAD BIN MUDA
Timbalan Naib Canselor Akademik &
Antarabangsa

Y.BHG. PROF. DATO' DR. MOHAMED ASIN DOLLAH
Timbalan Naib Canselor HEP & Alumni

KETUA EDITOR

Y.BHG. PROF. DR. MOHAMMAD HAJI ALIAS
Pengarah
Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan
Korporat

MANAGING EDITOR

EN. HAMMAD FARHI MOHD SAUDI
Timbalan Pendaftar
Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan
Korporat

EDITOR

DR. ASMA ABDUL RAHMAN
EN. HISHAM TAKY EL DIN KANDIL
PUAN NORHANA ABDULLAH
PUAN YUSRINA MOHD YUNUS
CIK SITI KHADIJAH MOHD SARIF
CIK NOOR ADIBAH MOHAMAD

WARTAWAN

PUAN SITI MAIZATUL AKMAR ISMAIL

FOTOGRAFI

EN. KAMARULL SYAMZARI KAMARUDDIN
EN. MOHD YUSRIZAL MOHD YUNUS
EN. UMAR SYAHIDDI ZAINUDDIN

TERBITAN

Pusat Perkembangan Strategik dan
Hubungan Korporat
Universiti Sains Islam Malaysia
Tel : 06-7988025 / 8026 / 8028
Faks : 06-7988204
email : pro@usim.edu.my

REKABENTUK & PERCETAKAN

One Touch Creative Sdn. Bhd.
No. 5-2, Jalan Seksyen 3/9,
Pusat Perniagaan Kajang Utama,
43000 Kajang, Selangor.
Tel : 03-8733 6246
Faks : 03-8733 7246
email : satusentuhankreatif2@yahoo.com
Laman Web : www.percetakan.com.my

Pena Ketua Editor

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera***

Alhamdulillah kita lafazkan ucapan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana kita dapat sekali lagi menerbitkan Risalah USIM yang berwajah baru. Penerbitan Risalah USIM diselaraskan oleh Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan Korporat (PPSHK). Pada tahun 2009 ini Sidang Pengarang mensasarkan 3 kali penerbitan iaitu pada bulan Mac, Julai dan September. Risalah USIM melaporkan peristiwa-peristiwa utama serta pencapaian cemerlang warga USIM dan USIM sendiri di persada nasional dan antarabangsa.

Tahun 2009 adalah tahun yang mencabar untuk semua. Kemelesetan ekonomi kebanyakan negara maju terutamanya Amerika Syarikat (AS) telah memberi kesan negatif terhadap ekonomi dunia. Ekonomi dunia sedang menghadapi keadaan gawat yang paling teruk semenjak The Great Depression pada dekad 1930-an. Punca utama krisis ekonomi dunia adalah sub-prime mortgage crisis di Amerika Syarikat yang bermula pada pertengahan tahun 2007 yang membawa kepada krisis kewangan dan perbankan dan mengheret bersamanya ekonomi negara-negara Eropah yang bergantung kepada ekonomi AS dari segi perdagangan dan pelaburan. Lebih separuh daripada ekonomi-ekonomi utama dunia berada dalam kemelesetan ekonomi.

Negara-negara membangun termasuk Malaysia juga terjejas ekonominya. Ekonomi yang bergantung kepada eksport menghadapi penguncupan eksport yang ketara akibat permintaan dunia yang lemah. Tinjauan pendapat ahli-ahli ekonomi oleh Business Times meramalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2008 dianggarkan 4.96% (New Straits Times 27 February 2009). Pada tahun ini pertumbuhan ekonomi diramalkan 0.09% sahaja. YAB Timbalan Perdana Menteri telah membentangkan 'mini budget' berupa pakej ransangan ekonomi kedua bernilai RM60 bilion. Langkah ini bersama pakej ransangan yang pertama dan Belanjawan 2009 (dibentangkan pada bulan Ogos 2008) diharapkan dapat mengelakkan ekonomi daripada kemelesetan yang teruk.

Sehubungan dengan itu adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk kita menghadapinya dengan kesabaran dan berhemah. Pada peringkat kita Dato' Naib Canselor dalam ucapan Perhimpunan Bulanan USIM di awal Januari dan Februari 2009 membawa mesej berikut: doa'kan agar keadaan ekonomi tidak seperti diramalkan tetapi lebih baik; buat yang terbaik dalam hubungan dengan Allah S.W.T dan interaksi dengan yang lain; beri komitmen dengan masa dan sistem penyampaian untuk capai kehendak pelanggan.


PROF. DR. MOHAMMAD HAJI ALIAS

Pengarah Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan Korporat

Perutusan Naib Canselor

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Sebenarnya, kita sedang mengambil pembaharuan daripada suatu tahun ke satu tahun lain yang mendatang. Setiap tahun kita berazam untuk mencapai matlamat yang diimpikan sama ada ianya bersifat individu mahupun berkumpulan. Wawasan kita pastinya bukan yang lain selain daripada mencapai kejayaan dan kegemilangan yang melebihi daripada masa sebelumnya. Oleh yang demikian, kita perlu meneliti apa yang sedang dan telah kita lakukan, apa yang telah kita katakan dan sejauh manakah ianya dikotakan. Kita juga bersyukur dengan nikmat yang telah diberikan. Tetapi kesyukuran bukan hanya atas konotasi kejayaan dan pencapaian, malah perlu disebutkan dengan rasa kepuasan, mahu berubah lantas sentiasa memperbaiki kekurangan.



Hijrah tiada lain bermaksud perpindahan daripada suatu keadaan kepada hakikat yang lebih baik. Pengecaman untuk menjadi lebih baik boleh digarap dengan bermuhasabah terhadap kelemahan dan kepincangan masa lalu. Mimpi akan menjadi nyata jika disulami dengan cita-cita. Cita-cita persis perlu kepada usaha dan iltizam jitu agar dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berhasil. Lebih-lebih lagi dalam usia kita meniti tahun 2009 yang penuh dengan cabaran dan dugaan khususnya terhadap umat Islam.

Umat Islam perlu menyedari akan kemunduran yang membawa kepada kebinasaan bangsa sendiri. Tudingan ke arah pihak lain kadangkala sebenarnya tertunjuk kepada diri sendiri. Kita perlu bangkit daripada khayalan dan kelekaan berpanjangan. Tahun ini merupakan tahun hazin (sedih) bagi ummah. Gaza, Palestin diganggu selumatnya oleh Israel. Umat luar seolah-olah akur dengan tindakan tanpa boleh berbuat apa-apa. Hanya teriakan dan hiruk-pikuk jalanan yang mampu dizahirkan. Walaubagaimanapun, janji Yang Maha Esa bahawa setiap kesusahan pasti ada kesenangan jua apabila tiba masanya.

Bagi warga Universiti Sains Islam Malaysia, tahun 2009 ini amat penting dalam merencana budaya kerja berkualiti yang terbaik walaupun dihipit biasan ekonomi serantau. Kejayaan tahun 2008 perlu dipertahankan. Kegagalan lalu bukanlah noktah kepada haluan yang dituju. Faktor kualiti perlu dijadikan kayu ukur dan indikator berbanding kuantitinya. Halatuju dan Pelan Strategik Universiti Sains Islam Malaysia perlu diterjemahkan dan dibudayakan agar ianya mekar dilaksanakan tanpa sia-sia. Berpandukan sains dan teknologi yang bertunjangkan Akidah, kejayaan pasti akan menjelma kelak. Tiada penghalang dan musuh yang lebih besar daripada diri sendiri sebagai kekangan.

Kepada mahasiswa dan mahasiswi yang juga merupakan harapan Universiti, anda semua perlu melihat perkembangan global semasa dengan penuh keyakinan dan perlu teliti dalam menganjurkan program-program berkualiti yang menggarap konsep kelas pertama, keusahawanan, integriti, antarabangsa, modal insan, kepimpinan dan kewibawaan jitu.

Dengan terbitnya Risalah USIM Bil. 1/2009 ini, saya menyeru kepada seluruh warga Universiti Sains Islam Malaysia, marilah kita sama-sama menghadapi cabaran dan rintangan tahun ini dengan penuh berhikmah dan berwibawa.

“BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA”

Salam hormat,

PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR H.J. HUSIN

Naib Canselor

Universiti Sains Islam Malaysia



Staff Profile:

Tuan Hj. Addenan. Hj. Abd. Rahman

by : Hisham Taky Eldin Kandil



Tuan Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman is considered one of the pioneers of the Islamic Science University of Malaysia (USIM). His staff card bears the number "S003", and accordingly is the third person to have been employed in USIM after the Vice Chancellor, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin, whose staff number is "S001" and the ex-Deputy Rector, Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Zin, whose staff number was "S002".

Tn. Hj. Addenan, along with Dato' Shukor, Dato' Abdullah Zin, and Pn. Hjh. Rohani Abu (who later became the university bursar), were entrusted with the task of setting up a university in 1999 to realize the government's vision of building an institution of higher learning dedicated to the improvement of the quality of Islamic higher education in the country. This university, which was housed in temporary buildings in Kuala Lumpur, enrolled its first students in 2000. Five years later, USIM made its final relocation to its permanent campus in Nilai, Negeri Sembilan.

Education and First Job

Tn. Hj. Addenan has vast experience in university administration, and moreover, obtained university degrees that are relevant to this line of work. He started work as an Assistant Registrar in the Matriculation Unit of the National University of Malaysia (UKM) after graduating from the University of Malaya in 1974. As an Assistant Registrar, he moved from department to department to learn new skills and cope with different situations. Among the departments of UKM in which he served were the Development Unit, the Public Relations Office (PRO), the Registrar's Office, and the Sabah branch campus of UKM.

In 1985, Tn. Hj. Addenan packed his bags and headed to the United States to do postgraduate studies at Iowa State University in Ames, Iowa. Coming from tropical Malaysia, Tn. Hj. Addenan had to acclimatize himself to the vastly different weather conditions of Iowa, which is considered one of the states of the American Midwest. The Midwest is a region well-known for its extremely cold weather and potentially dangerous wind chills in the winter as well as devastating tornado winds in the summer. He survived all this, and returned to Malaysia two years later with a Master of Public Administration (MPA).

Seventeen years after becoming an Assistant Registrar, and four years after getting his Master's degree from the U.S., Tn. Hj. Addenan was promoted to the position of Senior Assistant Registrar in 1991. He then became the director of UKM's Student Housing Unit.

In 1995, Tn. Hj. Addenan was promoted to become the Head of UKM's Assistant Registrars, and while in this position he served at the Public Relations Office until the end of 1998. On January 1, 1999, after having served UKM for approximately 25 years, he became the Deputy Registrar for Student Affairs, and he remained in that position for a year before he decided to explore greener pastures by joining the Islamic University College of Malaysia (KUIIM), which later became USIM.

Moving from UKM to USIM

Since January 3, 2000, Tn. Hj. Addenan has been the Registrar for USIM. He has contributed his expertise and service in advancing USIM from a small institution of higher learning located on temporary premises and with a few hundred students to a full-fledged university built on a permanent campus and consisting of eight faculties with thousands of students seeking knowledge within its walls.

Tn. Hj. Addenan has participated in numerous courses, seminars, and workshops including attending counseling workshops for Student Affairs officers, a seminar on lateral thinking that was delivered by the renowned expert of this field, Prof Dr. Edward de Bono, and several Asia-Pacific conferences on Student Affairs. He has also participated in a number of Malaysian education fairs and road-shows, particularly in Brunei and Indonesia.

While in USIM, Tn. Hj. Addenan has been a speaker and presenter at various courses and workshops, such as the staff induction course, the research methodology course, and the university budget workshop. In addition, he and other senior administrators made official trips to sign MoUs with universities in Egypt and the United Arab Emirates.

As a senior administrative staff, Tn. Hj. Addenan has headed countless committees, subcommittees and ad hoc committees, some of which include being chairman of the USIM website subcommittee in 2001, chairman of the program and invitations committee for the university's first three convocation ceremonies, and the chairman of the convocation dinner banquet committee.

Tn. Hj. Addenan has received a number of awards, including excellent service awards from both UKM and USIM, as well as special Rector's awards from KUIIM. He has also received the Pingat Jasa Kebaktian (PJK) and Ahli Setia Negeri Sembilan (ANS) awards from the late Yang Di Pertuan Besar negeri Sembilan.

Tn. Hj. Addenan, the soft-spoken, extremely polite and surprisingly humble man who is the Registrar of USIM, has certainly achieved a lot in this life journey of his which began 59 years ago in Perak and which has taken him to Bangi, Selangor, Kuala Lumpur, and Nilai, Negeri Sembilan.

USIM Serah Buku Hala Tuju Dan Rancangan Strategik Kepada Perdana Menteri

Semasa Majlis Perasmian Kampus pada 25 November 2008, buku Hala Tuju dan Rancangan Strategik USIM 2008-2020 telah diserahkan kepada YAB Perdana Menteri. Penerbitan buku ini adalah rentetan daripada Bengkel Pelan Strategik USIM yang diadakan pada tahun 2007 sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang mendukung usaha kerajaan memperkasa IPT dalam membangunkan modal insan minda kelas pertama.

Y.A.B Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi mahu setiap program perlu mengandungi komponen-komponen tertentu yang berfungsi memupuk nilai-nilai murni, membina kemahiran serta memperkasa keyakinan diri agar pelajar dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat dan alam kerjaya masa kini. Komponen-komponen tersebut adalah kemahiran berkomunikasi, penggunaan teknologi maklumat, keusahawanan, pemikiran kreatif dan kritis serta asas-asas pengurusan.

"USIM dari segi visi dan objektifnya merupakan institusi yang amat sesuai untuk menerokai pelbagai bidang ilmu pengetahuan sejajar dengan tradisi keilmuan Islam serta keagungan penerokaan ilmu dalam sejarah tamadun Islam", katanya semasa berucap merasmikan Kampus Tetap Universiti Sains Islam Malaysia pada 25 November 2008.

Menurut beliau lagi, penggunaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran dan penyelidikan di USIM mampu menyediakan peluang yang luas kepada mereka untuk meneruskan pengajian dalam bidang pilihan masing-masing tanpa menghadapi banyak halangan dari sudut bahasa dan komunikasi.

USIM telah menetapkan fokus dalam Hala Tuju dan Rancangan Strategik bagi tahun 2008-2020. Fokus pada lima tahun pertama penubuhannya adalah untuk membina tapak dan membangunkan program. Pada lima tahun kedua pula fokus universiti adalah memperkukuhkan program akademik yang sedia ada serta membangun dan menawarkan program baru berbandukan kepada keperluan pasaran dan pengukuhan bidang setara. Fokus seterusnya adalah membina reputasi. Tema teras yang dipilih adalah "Melakar Kecemerlangan, Menempa Kegemilangan, Bertekad Gemilang". Pada majlis yang sama, YAB Perdana Menteri turut meluluskan pembinaan sebuah Dewan Hadhari bagi kegunaan USIM.



USIM Hos Mesyuarat Jawatankuasa Naib-Naib Canselor/Rektor IPTA Bersama Ketua Setiausaha Negara

Pada 19 Februari 2009 yang lalu telah diadakan Mesyuarat Naib-Naib Canselor/Rektor bersama Ketua Setiausaha Negara. Pada kali ini, USIM telah di pilih sebagai tuan rumah bagi mesyuarat tersebut.

Seramai 20 orang Naib Canselor/Rektor dan wakil IPTA menghadiri mesyuarat tersebut. Antara agenda mesyuarat tersebut adalah untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan pengurusan setiap IPTA. Turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha KPT, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi dan wakil Perbendaharaan.

Acara bermula dengan sesi makan malam dan seterusnya mesyuarat bermula. Majlis di akhiri dengan sesi bergambar oleh Naib-naib Canselor dan Rektor IPTA bersama Ketua Setiausaha Negara, Y.Bhg Tan Sri Mohd Sidek Hassan.



Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat (PPITM) telah mewakili USIM untuk Pertandingan Invention & Innovation Awards 2009 sempena Malaysian Technology Expo Kuala Lumpur 2009 (MTE 2009) anjuran Malaysian Association of Research Scientists (MARS) di PWTC pada 19 hingga 21 Februari 2009.

Sebanyak 23 kategori telah dipertandingkan di dalam pertandingan ini yang melibatkan penyertaan dari pelbagai agensi. USIM telah berjaya merangkul 2 pingat iaitu pingat Perak untuk Sistem Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (eUNDI) dan pingat Gangsa untuk Sistem Paparan Graduan (U-Grads).

Sistem Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar yang lebih dikenali dengan nama eUNDI merupakan sistem pengundian secara elektronik yang digunakan untuk membuat pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar. Ia mula dibangunkan oleh Unit Aplikasi Pelajar Bahagian Teknologi maklumat, PPITM pada bulan Julai 2006. Bahagian Hal Ehwal Pelajar merupakan pengguna utama bagi sistem ini dan ianya buat pertama kali digunakan pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar pada 21 September 2006 yang lalu.



Objektif utama sistem ini adalah bagi memudahkan dan mempercepatkan proses pemilihan diperingkat Universiti disamping mengadaptasi dan memperluaskan penggunaan kad pintar di kalangan pelajar-pelajar USIM. Di samping itu tenaga kerja dalam mengira undi dan penggunaan kertas dapat dikurangkan secara maksimum.

Modul-modul yang terdapat di dalam sistem ini adalah seperti Modul Daftar Pemilih, Penamaan calon, Audit ICT, Kehadiran Pemilih, Pembuangan Undi, Kiraan Undi dan Modul Penyelenggaraan.

Bagi Sistem Paparan Graduan (U-Grad) pula, ianya merupakan satu sistem informasi mengenai graduan yang dipaparkan ketika Upacara Majlis Konvokesyen berlangsung. Sistem ini kali pertama dibangunkan oleh Unit Integrasi dan Inovasi, PPITM pada Julai 2007. Bahagian Hal Ehwal Pelajar merupakan pengguna utama bagi sistem ini dan kali pertama digunakan adalah semasa Majlis Konvokesyen kelima USIM pada 4 Ogos 2007.

Antara objektif sistem ini dibangunkan adalah untuk memudahkan pengurusan majlis konvokesyen dan mengelakkan kesilapan paparan maklumat graduan. Teknologi kad pintar digunakan untuk sistem ini dimana pelajar akan menyentuh kad pintar mereka pada 'card reader' yang disediakan. Kemudian sistem akan menjana nombor graduan mengikut urutan dan maklumat mengenai graduan akan dipaparkan di paparan urusetia.

Audit Pengawasan (*Surveillance Audit*) Oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

USIM berjaya mempertahankan Pensijilan MS ISO 9001:2000 di bawah skop “Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Di Peringkat Sarjana Muda Meliputi rekabentuk dan Pembangunan Kurikulum” bagi tiga (3) tahun berikutnya setelah berjaya melepasi Audit Pensijilan Semula pada tahun 2007.

Bagi meneruskan pensijilan, pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menjalankan Audit Pengawasan (*Surveillance Audit*) pada 19 dan 20 Januari 2009 baru-baru ini. Skop audit meliputi proses pengukuran, analisis dan peningkatan dalam pengurusan. Selain itu, audit juga menyentuh tentang realisasi produk dan proses perolehan termasuk “outsourced process”.



Semasa Mesyuarat Pembukaan pada 19 Januari 2009 yang lalu, seluruh Ketua Jabatan dan wakil telah hadir dan mendapat penerangan tentang program audit dan pada hari kedua audit, 20 Januari 2009 Mesyuarat Penutupan, Ketua Auditor SIRIM Cik Hajjah Hanida Ghazali dan Auditor SIRIM Encik Maseri Salleh telah membentangkan dapatannya sebanyak dua (2) NCR Minor (Ketidakakuran Kecil) dan dua (2) OFI (Peluang Penambahbaikan) telah disabitkan. Pihak USIM menerima sabitan tersebut dengan positif dan menyatakan komitmen berterusan akan diteruskan dalam meningkatkan lagi amalan kualiti di USIM.

Jabatan Bendahari Anjur Bengkel Penyediaan Belanjawan



Pada 16 hingga 17 Januari 2009 yang lalu Jabatan Bendahari USIM telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Belanjawan Tahun 2010/2011 bertempat di AnCasa AllSuites Resort & SPA, Port Dickson. Bengkel tersebut merupakan kerjasama di antara Jabatan Bendahari dengan Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

Antara objektif bengkel ini adalah memberi maklumat terkini mengenai ketetapan serta keperluan penyediaan belanjawan IPTA khususnya USIM mengikut kehendak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan

Perbendaharaan Malaysia, Menganalisa serta menyediakan perancangan strategi jangka pendek dan strategi jangka panjang aktiviti-aktiviti USIM secara keseluruhan bagi tahun 2010 dan 2011 dan menganalisa prestasi keseluruhan perbelanjaan bagi tahun 2008 dan 2009 serta melihat spesifikasi output seperti yang telah ditetapkan.

Seramai 78 orang peserta yang terdiri daripada Pihak Pengurusan Tertinggi, Ketua-ketua Jabatan, Dekan-dekan Fakulti, Pengarah-pengarah Pusat, Penyelaras-penyelaras Program, Timbalan-timbalan Pendaftar, Pengetua/Penolong Pengetua Asrama, Penolong-penolong Pendaftar, Penolong-penolong Bendahari, Pustakawan, Pegawai-pegawai Sistem Maklumat, Pegawai-Pegawai Unit Pembangunan, Pegawai-Pegawai HEP dan lain-lain pegawai yang terlibat secara langsung dengan aktiviti utama dan yang bertanggungjawab atas peruntukan belanja mengurus.



USIM Beri Sumbangan Kepada Hospital Ampang



Hospital Ampang, Selangor merupakan salah satu hospital di mana para pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM menjalani latihan klinikal. Sehubungan dengan itu satu lawatan kerja oleh Naib Canselor USIM, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin telah diadakan pada 14 Januari 2009 yang lalu anjuran Pusat Perkembangan Strategik dan



Hubungan Korporat dengan kerjasama Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dibantu oleh Unit Sekretariat Pendakwah Muda.

Program Khidmat Masyarakat dan lawatan kerja ini merupakan salah satu program yang dicadangkan bersempena Majlis Konvokesyen Keenam USIM yang telah berlangsung pada 20 Disember 2008 yang lalu. Antara objektif program ini adalah menzahirkan keprihatinan Pihak Pengurusan Universiti kepada golongan yang kurang bermasib baik disamping memupuk nilai-nilai murni dan integriti di kalangan kakitangan USIM.

Y.Bhg. Dato' Naib Canselor turut mengadakan lawatan ke wad pediatrik dan wad ortopedik. Beliau turut menyampaikan sumbangan hamper dan cenderahati kepada pesakit-pesakit di wad-wad berkenaan.

Lawatan Kerja Ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah

Y.Bhg. Dato' Naib Canselor USIM telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh Pahang pada 27 November 2008 yang lalu bertujuan untuk membincangkan kerjasama di antara USIM dengan pihak hospital bagi penempatan pelajar-pelajar klinikal USIM. Seramai 15 orang pelajar Klinikal USIM ditempatkan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah. Antara skop kerjasama yang dipersetujui adalah seperti latihan kakitangan dan sumbangan kepakaran tenaga pengajar USIM kepada pelajar-pelajar klinikal USIM.

Sesi lawatan bermula dengan ucapan aluan dan taklimat ringkas mengenai Hospital yang disampaikan oleh Dr. Nor Shamsiah Nyak Abdullah, Timbalan Pengarah Perubatan Hospital Sultan Haji Ahmad Shah. USIM turut menyumbang buku-buku perubatan untuk kegunaan Hospital berkenaan. Acara di akhiri dengan lawatan ke asrama pelajar-pelajar Klinikal USIM.

Turut serta dalam lawatan ini adalah Prof. Dato' Dr. Nik Nasri Nik Ismail, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM, Ir. Daim Saian, Pengarah Pembangunan, En. Muhammad Haizuan Rozali, Timbalan Pendaftar Kanan Jabatan Pendaftar dan En. Hammad Farhi Mohd Saudi, Timbalan Pendaftar PPSHK.



e-IRIS diserahkan kepada USIM

Universiti Utara Malaysia (UUM) yang membangunkan Sistem Maklumat Pengambilan Bersepadu (e-IRIS) menyerahkan sistem bernilai RM189,594 kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerusi anak syarikatnya, Serindit.com pada 28 Januari 2009 di Sepang.

Sistem e-IRIS merupakan satu sistem yang dibangunkan secara kerjasama di antara Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Utara Malaysia. Sistem ini dibangunkan bagi memudahkan proses pengambilan kakitangan USIM dari pelaksanaan secara manual kepada satu sistem yang lebih efektif dan berdaya maju.



Pada peringkat permulaan, borang OMR digunakan bagi tujuan merekodkan maklumat calon. Namun atas keperluan semasa, e-IRIS kini mampu diintegrasikan dengan Sistem Maklumat Staf USIM (MUNAZZIM) serta mampu mengautomatiskan proses-proses penting dalam urusan pengambilan kakitangan seperti proses permohonan, saringan, temuduga dan tawaran jawatan.

Penyerahan tersebut dilakukan oleh Naib Canselor UUM, Tan Sri Dr. Nordin Kardi kepada Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Husin di Hotel Pan Pacific KLIA.

USIM Juara Pertandingan Laman Web Kategori IPTA

USIM menjuarai Pertandingan Laman Web Kementerian Pengajian Tinggi Tahun 2008 (Kategori IPTA). USIM yang diwakili oleh Prof. Dr. Mohammad Haji Alias, Pengarah Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan Korporat menerima trofi dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia di Majlis Sambutan Hari Kualiti Kementerian Pengajian Tinggi tahun 2008 pada 16 Disember 2008. Bagi kategori yang sama pada pertandingan tersebut, tempat kedua dimenangi oleh UTHM manakala tempat ketiga disandang oleh UPM.

Proses penilaian bagi Pertandingan Laman Web tersebut telah berlangsung pada 4 hingga 8 Ogos 2008 yang lalu di Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam, Selangor. Sebanyak 5 kategori telah dipertandingkan iaitu KPT/Jabatan/Agensi di bawahnya, Institusi Pengajian Tinggi Awam(IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. Kriteria penilaian dilakukan oleh MDEC dan MAMPU.



Taklimat Sistem Pemantauan Pelaksanaan Agenda Kritikal PSPTN

Pada 3 Mac 2009 yang lalu, satu taklimat berkenaan Sistem Pemantauan Pelaksanaan Agenda kritikal PSPTN telah disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid, Pengarah Pejabat Pengurusan Program (PMO), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Menurut beliau, sebanyak 18 agenda kritikal telah di kenal pasti untuk mentransformasikan sistem pengajian tinggi negara dan seterusnya meletakkan institusi pengajian tinggi negara setaraf dengan universiti terkemuka dunia.

Beliau juga memaklumkan bahawa satu sistem pelaporan berasaskan web sedang dibangunkan di PMO yang dikenali sebagai ePMO. Ujilari sistem ini telah dilaksanakan pada bulan Januari 2009. Sistem ini dijangka dapat dilancarkan sekitar bulan Mac 2009 dan seterusnya digunapakai oleh universiti untuk tujuan pelaporan.

Sistem pelaporan ini akan dibentangkan di Mesyuarat PSPTN setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi. Sistem pelaporan ini akan menunjukkan kedudukan (health check) setiap IPTA dalam melaksanakan tindakan-tindakan di bawah PSPTN.



Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan KPT Di USIM

Pada 18 Mac 2009, satu Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (JTPK) telah diadakan di USIM. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Zulkefli A.Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Mesyuarat ini dihadiri hampir 50 wakil dari Institusi Pengajian Tinggi Awam, Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Antara agenda mesyuarat adalah pembentangan prestasi perbelanjaan pembangunan KPT tahun 2009, prestasi pelaksanaan projek-projek KPT dan pembentangan prestasi pembangunan dari Universiti Sains Islam Malaysia.

Majlis dimulakan dengan sesi bergambar, pembentangan kertas kerja dan seterusnya lawatan ke tapak-tapak projek di USIM.



USIM Sambut Maulidur Rasul Peringkat Universiti



Seperti tahun-tahun sebelumnya, USIM sekali lagi mengadakan program perarakan dan sambutan Maulidur Rasul 1430H peringkat Universiti yang bertemakan "Qudwah Hasanah" pada 13 Mac 2009.

Antara objektif program ini adalah untuk menanamkan perasaan cinta dan kasih kepada Rasulullah SAW seterusnya meletakkan Rasulullah SAW sebagai idola dan contoh ikutan terbaik dalam keseluruhan aspek kehidupan.

Acara dimulakan dengan bacaan selawat beramai-ramai yang diketuai oleh En. Mohd Naim bin Mustafa, Penolong Pendaftar INFAD. Semua peserta berbaris mengikut Jabatan dan Fakulti masing-masing. Pertandingan kontingen terbaik turut diadakan. Pada kali ini setiap kontingen dinilai berdasarkan lima kriteria utama iaitu disiplin, keceriaan, kerjasama, keseragaman dan slogan terbaik. Acara seterusnya adalah Amanat Y.Bhg. Dato' Naib Canselor, bacaan Rawi oleh Ustaz Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan tayangan video.

Juara keseluruhan telah dimenangi oleh Jabatan Pendaftar yang mana telah memenuhi kelima-lima kriteria yang ditetapkan. Manakala untuk kategori disiplin telah disandang oleh Jabatan Canselori. Jabatan Bendahari telah memenangi kategori keceriaan. Untuk kerjasama dan keseragaman, masing-masing telah dimenangi oleh Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan Fakulti Sains dan Teknologi berserta Tamhidi. Untuk Slogan terbaik pula telah dimenangi oleh Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

Semoga dengan adanya program sebegini dapat mempererat dan menyatukan warga USIM ke arah cemerlang, gemilang dan terbilang.

PPSHK Anjur Taklimat Tatacara Dan Garis Panduan Pengurusan MoU

Pada 4 Mac 2009 yang lalu, Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan Korporat telah menganjurkan Taklimat Tatacara dan Garis Panduan Pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU). Taklimat ini telah dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Kanan dan Penolong Pendaftar Universiti.

Objektif taklimat ini adalah untuk memberikan satu panduan dan maklumat yang jelas bagi merealisasikan sesuatu Memorandum Persefahaman dapat dimeterai antara pihak Universiti dan pihak luar.

Taklimat dimulakan dengan 'Pengenalan Memorandum Persefahaman' oleh Pengarah PPSHK, Y.Bhg. Prof. Dr. Mohammad Haji Alias. Seterusnya 'Isu-isu berkaitan Perundangan/Format MoU' oleh Encik Norman Zakiyy Chow Jen T-'Chiang, Penasihat Undang-Undang USIM. Taklimat diakhiri dengan penerangan berkenaan 'Pengurusan Majlis MoU' oleh Encik Hammad Farhi Mohd Saudi, Timbalan Pendaftar PPSHK.



KALENDAR AKTIVITI USIM



Kunjungan Hormat Universitas Negeri Jakarta (28 Januari 2009)



Bengkel Analisa dan Pembentangan SKT (30-31 Januari 2009)



International Seminar on Comparative Law (ISCOM) (18-19 November 2008)



Lawatan dari Delegasi Sudan dan Yemen 22 Oktober 2008

Majlis Konvokesyen Keenam USIM (20 Disember 2008)



KALENDAR AKTIVITI USIM



Khidmat Masyarakat
di Hospital Serdang
(November 2008)



Perhimpunan Bulanan
kakitangan USIM



Majlis Santapan Di Raja
(19 Disember 2008)



Pameran Sambutan
Hari Integriti di KPT
(23 Disember 2008)



Seminar on Food Biotechnology
(25-26 November 2008)



Sukan Universiti ASEAN (Disember 2008)



World Congress of
Muslim Librarians and
Information Scientist
(wCOMLIS) (25
November 2008)



iCEPS 2009 Trains Young Entrepreneurs



An autoshow was the main attraction during the Islamic Entrepreneurs Convention (iCEPS) organized by USIM's Faculty of Economics and Muaamalat from 5th to 8th February 2009. The convention was held in Nilai Indoor Stadium with the theme A Step Towards Developing Entrepreneurship. Other crowd pullers were PC Fair, handicraft workshop, colouring contest with the mascots Upin and Ipin, forum perdana and sales booths among others.

The convention aims to educate and enhance understanding on the concept and implementation of entrepreneurship. It was also an effort to realize the government's agenda in increasing the number of entrepreneurs among bumiputeras, contributing towards a robust national economy. The convention was officially opened by USIM's Deputy Vice Chancellor (Academic and International), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Muda.

Another scheduled programme during the convention was Awards Night and Charity Dinner held in conjunction with the closing ceremony. The programme took the concept of a corporate banquet and it was held for the first time during iCEPS 2009. The closing ceremony was attended and officiated by Y.Bhg. Dato' Mohd Hashim Abdullah, Deputy Chief Secretary of MECD (Entrepreneurs) representing YB Dato' Noh bin Omar, Minister of Entrepreneur and Cooperative Development (MECD).

In his speech, Y.Bhg Dato' Mohd Hashim Abdullah acknowledged the large contribution of the Islamic economic and financial products to the economic development of the nation, Muslims and Malaysian society in general.

"Among the approach to be emphasized is the ijtimā' sector (society), as one of the sectors in the Islamic economic system (muamalat) which carries as much weight as the public and private sectors. As such, the most important element which is the pillar of the ijtimā' sector is zakat, wakaf and sedekah jariah", he stated.

In conjunction with the Charity Dinner, table sales were also organized in which part of the funds were channelled to the Aminan Orphanage of Ampangan, Negeri Sembilan. The entertainment included performance by Amy Search, nasyid by the Feel Heart and poetry recitals. A fund raising drive for Palestine was also held.



USIM Bagged 2 Gold, 1 Silver And 3 Bronze In Belgium

It was a proud moment for USIM when three lecturers from the Faculty of Science and Technology, Associate Professor Chek Zaini Hassan, Associate Professor Dr. Zaiton Hassan and Prof. Dr. Salmah Yusof won medals at the 2008 Brussels INNOVA Exhibition in Belgium. The event was held from 13 to 15 November 2008 with participation from 30 nations. It received 3000 Professional Visitors and 500 research were submitted for entry.

USIM had won 2 gold, 1 silver and 3 bronze medals at the event through a number of food product entries:

- Gold – 1) Onion and garlic mixture cube (Prof Dr Salmah Yusof)
2) High Fiber Guava Cookies (Associate Prof Chek Zaini Hassan)

Silver – 1) Probiotic enriched guava drink (Associate Prof Dr Zaiton Hassan)

- Bronze -1) Instant Potato Pattie (Prof Dr Salmah Yusof)
2) High Fiber Guava Flakes (Associate Prof Chek Zaini Hassan)
3) Fruity Purple Sweet Potato drink (Associate Prof Dr Zaiton Hassan)



USIM's Communication Students Produced Short Film



As part of the efforts to enhance the standing of Communication Programme at the local and international level, a short film was produced by USIM's communication students, majoring in broadcasting. The 15-minute film was titled "Permata Bonda" featuring professionals in the nation's film making industry such as Wan Maimunah and Wan Nor Azlin. The production was also guided and advised by Dr. Mahadi J. Murad, an esteemed film director.

"Permata Bonda" was the first ever short film produced by USIM. It made the list in Astro Kirana Short Film Awards 2008/2009 held on 27 February 2009 recently and was the winner for Audiences Choice Award.

This short film project was an extension of the Directing and Scriptwriting Workshop held in November 2008 attended by 25 final year students from the Communication Programme. The workshop had borne fruition to four short films, all in one day. Other than 'Permata Bonda', 'Nafsu', 'Sesat', and

'Nasi Lemak', were the other short films produced. Students from the broadcasting programme were both the directors and actors in the films.

At the same time, communication students majoring in journalism have successfully published the first edition of the 'CETUS' magazine. This magazine featured issues related to media and communications in the country. It provided a platform for USIM's students and staff to air their views and contribute ideas.

This publication would advance more critical and creative thinking on current issues among USIM's students. The magazine was launched by Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, the Vice Chancellor of USIM. This publication was also part of an effort to encourage USIM's students to continue creating products which would bring recognition to USIM.

USIM ROUND TABLE : CURRENT ECONOMIC CRISIS

Dr. Asmaddy Haris
Prof. Dr. Mohammad Haji Alias
Faculty of Economics and Muamalat USIM

Introduction

More than half of the world's major economies are in recession. The Group of Seven (G7) economies are contracting. Recession in the major economies has led to a slow down in world trade. This in turn has contributed to the sharp contraction in exports of trade-driven economies such as Singapore, Taiwan, Hong Kong and Malaysia. Even China the manufactured export power house has not been spared.

Being a very open economy with trade (exports plus imports) account for about 200% of gross domestic product (GDP) Malaysia has felt the impact from the global economic crisis. Last year Malaysian GDP grew by about 4.7% over 2007. An ominous sign that economic growth in 2009 would be low or even negative was the 0.1% growth in GDP in the fourth quarter of 2008 compared to the same quarter in 2007. This was due mainly to a 40% drop in net exports. This year the government forecasts GDP to grow between 1% and -1.0% (refer to mini budget presented by the Deputy Prime Minister to Parliament on 10 March 2009). The government announced a second fiscal stimulus of RM60 billion to prevent the economy from sliding into a deeper recession. We believe that since we have conventional banking and also an expanding Islamic financial system in place, both least exposed to investments in toxic mortgage, our economy will be able to ride the storm.

